

**APR - JUN**

April / Mei / Jun

**2025M**

Bil 2 • Tahun 37

Syawal 1446H hingga  
 Muharam 1447H



3

**BERKENAN  
 MENYAMPAIKAN HADIAH  
 PEMENANG JOHAN QARI,  
 QARI'AH MUSABAQAH  
 MEMBACA AL-QUR'AN**



5

**BERKENAN MENERIMA  
 JUNJUNG ZIARAH  
 BAKAL JEMAAH HAJI  
 NEGARA**



6

**BERANGKAT  
 MENUNAIKAN  
 SEMBAHYANG SUNAT  
 'IDUL ADHA DAN  
 IBADAH KORBAN SUNAT**

Sambutan Hari Raya KHEU  
 Eratkan Ukhuwah

8

Kepentingan Memakmurkan  
 Masjid

10

Rombongan Jabatan Agama Islam  
 Negeri Johor ke Kementerian Hal  
 Ehwal Ugama

11

Isra' dan Mi'raj sebagai Sumber  
 Inspirasi dalam Kehidupan

17

Penerbangan Bakal Jemaah Haji  
 NBD Selamat Berlepas

18

Masjid Omar 'Ali Saifuddien Jadi  
 Tumpuan Lawatan Presiden  
 Republik Kosovo

20

Ibadah Korban Kementerian Hal  
 Ehwal Ugama Tahun 1446H/2025M

22

14 Anak Damit Lahir pada  
 1 Muharram 1447H

25

Delegasi Negara Sertai Simposium  
 Haji di Arab Saudi

29

Muallaf Tidak Ketinggalan dalam  
 Menyemarakkan Hari Kebesaran  
 Islam

36



... رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Mafhumnya:

... Ya Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami membina Ka'bah ini). Sesungguhnya Engkau lah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Surah al-Baqarah ayat 127

Lidah  
Pengarang



## SYAWAL MENGUKIR TAQWA SETELAH RAMADAN

Setelah sebulan penuh berpuasa, menahan lapar, dahaga dan hawa nafsu, Ramadan mengajarkan kita sebuah hikmah yang sangat berharga iaitu untuk kita mendekatkan diri kepada Allah dengan kesungguhan hati dan amalan yang tulus. Ramadan adalah waktu kita mengasah keimanan dan ketakwaan. Namun, selepas berakhirnya bulan mulia ini, kita janganlah membiarkan ketakwaan yang telah kita ukir selama sebulan itu pudar begitu saja, akan tetapi kita mestilah berusaha untuk terus menjaganya dengan istiqamah.

Syawal, sebagai bulan yang datang setelah Ramadan, adalah ujian dan peluang. Apakah kita mampu mengekalkan taqwa yang telah kita perolehi semasa berpuasa? Apakah kita mampu untuk terus menjaga amalan yang mendekatkan diri kita kepada Allah? Syawal bukan hanya tentang menyambut hari raya dengan pakaian baru dan jamuan enak, tetapi ia adalah saat untuk mengukir taqwa yang lebih teguh, menjadikannya sebagai motivasi untuk memperbaiki diri lebih jauh lagi.

Syawal seharusnya menjadi titik tolak bagi kita untuk memperkukuhkan amalan yang sudah dibentuk di bulan Ramadan. Salah satu amalan yang disarankan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* untuk dilakukan selepas Ramadan adalah puasa sunat enam hari di bulan Syawal. Hadits riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Ayyub al-Anshari *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa yang berpuasa enam hari di bulan Syawal setelah hari raya, maka dia akan mendapat ganjaran seperti berpuasa sepanjang tahun.”

Puasa sunat ini bukan hanya ibadah tambahan, tetapi juga merupakan bentuk komitmen untuk terus mengukir taqwa dalam kehidupan kita. Dengan berpuasa sunat ini, kita menunjukkan bahawa keinginan kita untuk mendekatkan diri kepada Allah tidak hanya terbatas pada Ramadan, tetapi dilanjutkan ke bulan-bulan berikutnya.

Sebagai seorang muslim, perjalanan kita menuju taqwa tidak berakhir setelah Ramadan. Sebaliknya, Ramadan adalah awal dari sebuah komitmen yang lebih panjang untuk terus berada di jalan yang Allah redhai. Syawal, dengan segala kelebihanannya, adalah peluang untuk kita mempertahankan dan mengukir ketakwaan dengan terus memperbaharui amalan-amalan baik yang telah kita lakukan. ■

## BERKENAN MENYAMPAIKAN HADIAH PEMENANG JOHAN QARI, QARI'AH MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



**KEBERANGKATAN** tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**BERAKAS, Khamis, 25 Syawal bersamaan 24 April** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M dengan membawa tema 'Akal Sehat Dengan Al-Qur'an'.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M dan Menteri Kesihatan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengendali Bersama Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Qari Jemputan dari Malaysia bersama keluarga iaitu Haji Azraie bin Dato' Haji Abdul Hak; Hajah Sarrul Munirah binti Haris serta anak-anak iaitu Athirah binti Haji Azraie; Ahmad Asyraf bin Haji Azraie; Ahmad Abrar bin Haji Azraie; Arifah binti Haji Azraie; Ahmad Azfar bin Haji Azraie; Adirah binti Haji Azraie dan Ahmad Ammar bin Haji Azraie.

» 4  
m.s.



«3 Kemudian majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah dan kemudian dijunjung menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah, cenderamata dan sijil kepada para peserta Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M, para hakim musabaqah dan qari jempukan.

Dengan mengutip markah 92.58 peratus, johan qari dimenangi oleh Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili. Naib johan disandang oleh Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dengan meraih markah 91.65 peratus, manakala tempat ketiga disandang oleh Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dengan markah 91.42 peratus.

Sementara, johan qari'ah diraih oleh Dayangku Siti Ummy Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dengan mengutip markah 89.74 peratus. Naib johan dimenangi oleh Dayangku Amal Zahrah binti Pengiran Haji Jofri dengan markah 87.99 peratus, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat dengan markah 87.16 peratus.

Johan qari dan qari'ah membawa pulang piala pusingan, wang tunai BND7,000 dan Pakej Haji bagi Kali Pertama Mendapat Johan; Piala Pusingan, Hadiah Irian, Sijil Penyertaan; Pakej Umrah bernilai BND5,000 sumbangan daripada Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad; Akaun Simpanan Tekad Haji berjumlah BND5,000 sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; dan Sebidang Kain Tenunan Brunei sumbangan daripada Syarikat



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah dan cenderamata kepada johan qari Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah dan cenderamata kepada johan qari'ah Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M.**

Little Ummy.

Manakala naib johan qari dan qari'ah masing-masing membawa pulang wang tunai BND5,000; Hadiah Irian, Sijil Penyertaan; Akaun Simpanan Tekad Haji berjumlah BND2,500 sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan tempat ketiga menerima wang tunai BND3,000; Hadiah Irian, Sijil Penyertaan; Akaun Simpanan Tekad Haji berjumlah BND1,500 sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Pengumuman keputusan musabaqah berkenaan diumumkan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran

Haji Ali selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan al-Qur'an oleh johan qari, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili dan qari'ah, Dayangku Siti Ummy Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad. ■



## BERKENAN MENERIMA JUNJUNG ZIARAH BAKAL JEMAAH HAJI NEGARA

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD).

### BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Zulkaedah bersamaan

**I Mei** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah daripada 992 bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1446H/2025M.

Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman. Dari jumlah tersebut, seramai 472 bakal jemaah haji lelaki, manakala seramai 520 bakal jemaah haji perempuan.

Jumlah tersebut adalah termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan) dan juga pegawai pengiring syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.



Sebelum Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah, bakal jemaah haji negara menunaikan sembahyang fardhu zuhur berjemaah, sembahyang sunat hajat berjemaah dan menikmati jamuan tengah hari.

Pada majlis tersebut, bakal jemaah haji negara menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berupa pakaian ihram bagi bakal jemaah haji lelaki dan telekung bagi bakal jemaah haji perempuan.

Bagi musim haji tahun ini, terdapat enam buah syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji iaitu Darussalam Services Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd.; At-Taqla Travel Tours Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd. dan Raudah Al-Amin Sdn. Bhd. ■

## BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT 'IDUL ADHA DAN IBADAH KORBAN SUNAT

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



*DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan dan Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berserta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan berangkat tiba dan menunaikan sembahyang sunat 'Idul Adha di masjid berkenaan.*

### BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Zulhijah bersamaan 7 Jun –

Sebanyak 206 ekor haiwan korban iaitu 192 ekor sapi dan 14 ekor kambing telah dikorbankan sempena Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan kerabat baginda bagi Tahun 1446H/2025M.

Sebahagian daripada daging korban tersebut telah diagihkan kepada 15,054 orang penerima terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin serta tanggungan mereka di seluruh negara.

Majlis penuh keberkatan ini berlangsung pada pagi Hari Raya 'Idul Adha bertempat di perkarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, sejurus selepas Sembahyang Sunat Hari Raya 'Idul Adha.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



*SEMBAHYANG Sunat Hari Raya 'Idul Adha Berjemaah diimamkan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.*

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke perkarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta Kerabat Baginda Sempena Hari Raya 'Idul Adha Tahun 1446H/2025M iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara selaku Penasihat Bersama; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Bersama;





**DI MAJLIS tersebut, dua ekor kambing disempurnakan penyembelihannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia.**



Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Penasihat Bersama; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Penasihat Bersama; Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Di majlis tersebut, dua ekor kambing disempurnakan penyembelihannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia.

Manakala penyembelihan haiwan-haiwan korban Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Baginda

yang selebihnya disempurnakan di dua buah Syarikat yang dilantik iaitu Syarikat Mohammed Norfaizal bin Haji Zainuddin dan Anak-Anak, dan Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd.

Terdahulu sebelum itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan menyertai bersama para jemaah bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya 'Idul Adha 1446 Hijrah.

Seruan Azan bagi menunaikan sembahyang sunat Hari Raya 'Idul

Adha dilaungkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Diikuti dengan sembahyang sunat Hari Raya 'Idul Adha berjemaah diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Manakala, Khutbah Sunat Hari Raya 'Idul Adha dibacakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali.





## SAMBUTAN HARI RAYA KHEU ERATKAN UKHUWAH

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis sambutan Ramah Mesra Hari Raya 'Idul Fitri Kementerian Hal Ehwal Ugama.**

**GADONG, Ahad, 28 Syawal bersamaan 27 April** - Bagi mengeratkan lagi silaturahim dalam suasana muhibah dan saling bermaaf-maafan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Majlis Ramah Mesra Hari Raya 'Idul Fitri Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun 1446H/2025M yang berlangsung di aras bawah bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haj Awang Othman serta Datin dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri, dan Pemangku

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEU serta golongan muallaf, para belia dan beliawanis muallaf, belia dan beliawanis masjid dan muslimah masjid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.

Majlis terus dimeriahkan lagi dengan kunjungan Yang Berhormat Menteri

Hal Ehwal Ugama dan Datin serta rombongan mengunjungi dan beramah mesra bersama warga KHEU di setiap reruai (*booth*) dan menikmati juadah yang disediakan. Acara kemuncak majlis pada hari tersebut ialah pengumuman dan penyampaian hadiah bagi reruai tercantik.

Di samping menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam di negara ini, khususnya di peringkat kementerian, ia merupakan salah satu kegiatan sosial berkebajikan warga KHEU bagi mengeratkan lagi ukhuwah yang mesra dan harmoni sesama warga kementerian berkenaan serta pihak-pihak yang berkepentingan. ■





## KUPU SB SEMARAKKAN 'IDUL FITRI

Oleh : Dahlan Chuchu



**MENTERI** Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat majlis Sambutan Hari Raya 'Idul Fitri yang diungkayahkan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Syawal bersamaan 26 April** - Walaupun bulan Syawal hampir sampai ke penghujungnya, kemeriannya masih dirasakan dan diraikan dengan penuh rasa muhibah dan kesyukuran.

Sehubungan itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan tidak ketinggalan menyemarakkan Sambutan Hari Raya 'Idul Fitri dengan mengungkayahkan Ihya 'Eid Mubarak, di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti berkenaan.

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta dari negara sahabat, jemputan-jemputan khas dan warga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Majlis turut diserikan dengan Tayangan Video Sketsa dan Ucapan Hari Raya serta Persembahan Syair dan Tausyeh daripada mahasiswa dan mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Adapun objektif majlis ini diadakan antara lain untuk menzahirkan rasa syukur atas ni'mat yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan berkongsi kegembiraan bersama, di samping mengukuhkan jalinan kerjasama dan silaturahim sesama warga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. ■



## KEPENTINGAN MEMAKMURKAN MASJID

Oleh : Azizah Hidup

**MENGKUBAU, Isnin, 29 Syawal bersamaan 28 April** - Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Jumaat 29 Syaaban 1446H bersamaan 28 Februari 2025M.

Sebagaimana lazimnya masjid yang telah dirasmikan akan ditakmirkan iaitu dalam makna mengaktifkannya atau menghidupkan suasananya sebagai masjid yang dibina menurut undang-undang negara Bab 2 Akta Majlis Ugama Islam iaitu bagi maksud mengadakan sembahyang, perkhidmatan-perkhidmatan dan lain-lain upacara yang berkaitan dengan ugama Islam.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis berucap demikian semasa Majlis Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau Sesi 2025 Hingga 2027 dan Ramah Mesra Hari Raya 'Idul Fitri



**AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid menerima surat lantikan dan cenderahati daripada tetamu kehormat majlis.**

yang berlangsung di masjid berkenaan.

"Secara ringkasnya perkara yang pertama iaitu memakmurkan masjid ialah menjadikan masjid itu ramai didatangi atau dikunjungi, berkeadaan baik dan sentiasa dijaga atau dipelihara termasuklah kebersihan dan keindahannya.

"Sementara perkara kedua pula ialah orang yang mendatangi masjid itu adalah dengan keimanannya kepada Allah dan hari akhirat, melaksanakan perintah bersembahyang dan membayar zakat serta bersifat dan bersikap berani dengan hanya takut kepada Allah. Maka dengan yang sedemikian itu orang yang memakmurkan masjid sayugianya akan tergolong sebagai orang-orang

yang mendapat hidayat daripada Allah, al-Muhtadin," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lagi.

Seramai 52 orang menerima surat lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid bagi Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau bagi Sesi 2025 hingga 2027 dan cenderahati yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Ahli Jawatankuasa Takmir sesebuah masjid memainkan peranan yang sama pentingnya dengan pegawai masjid. Kerjasama dan komitmen Ahli Jawatankuasa Takmir masjid amat diperlukan dalam menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak yang mengendalikannya.

Justeru dengan kerjasama kedua-dua pihak ini akan menjadikan masjid lebih gilang-gemilang dengan penganjuran pelbagai aktiviti takmir yang bukan hanya berbentuk peraduan dan pertandingan tetapi meliputi pentakmiran yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain lagi. ■





## ROMBONGAN JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR KE KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA


*Oleh : Suriati Haji Ali Hussin*

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Syawal bersamaan 23 April**

- Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Negara Brunei Darussalam menerima lawatan rasmi daripada rombongan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Malaysia yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Dr Haji Nooh bin Gadot, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor. Lawatan bertujuan untuk mendapatkan pandangan serta pemahaman yang lebih meluas mengenai Sistem Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam termasuk pelaksanaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib. Di samping itu, untuk memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama dan persahabatan antara kedua-dua belah pihak.

Bagi meraikan kunjungan daripada rombongan Jabatan Agama Islam Negeri Johor, satu majlis diadakan di Tarindak D'Seni, Bandar Seri Begawan yang dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama. Turut hadir ialah Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Nooh bin Gadot, Penasihat



Majlis Agama Islam Negeri Johor dan rombongan mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama bertempat di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Kunjungan hormat tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, KHEU diikuti ucapan balas daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Nooh bin Gadot, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor.


Seterusnya, rombongan diberikan taklimat mengenai KHEU daripada Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, dan

tayangan video Perkembangan Sistem Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam daripada Jabatan Pengajian Islam.

Semasa berada di negara ini, rombongan berkesempatan melawat ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong; Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok; dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong.

Sepanjang lawatan, delegasi dari Negeri Johor tersebut mendengar taklimat, seterusnya berbincang serta bertukar-tukar pandangan, dan kemudiannya melawat ke beberapa buah kelas bagi meninjau sesi pengajaran dan pembelajaran Tahun IV serta Pendidikan Khas Ugama.

Kerjasama dalam bidang pendidikan ugama antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Johor telah terjalin sejak pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dengan mendatangkan dua orang pegawai ugama dari Negeri Johor bertujuan untuk melaksanakan kajian terhadap pendidikan ugama yang dilaksanakan di sekolah-sekolah kerajaan ketika itu. ■



UCAPAN Alu-aluan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



UCAPAN daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Nooh bin Gadot, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor.

## AL-QUR'AN MENGHUBUNGKAN ROHANI DAN JASMANI SECARA HARMONI

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Syawal bersamaan 19 April** - Al-Qur'an bukan sahaja diturunkan sebagai panduan, tetapi juga merupakan terapi semula jadi untuk kesihatan mental dan emosi.

Dalam dunia moden yang penuh tekanan, stres dan keresahan menjadi penyakit biasa. Kajian sains menunjukkan bahawa otak manusia akan menjadi tidak stabil apabila berada dalam keadaan tertekan.

Dengan membaca al-Qur'an dapat membantu mengembalikan keseimbangan rohani dan jasmani secara harmoni. Menjadikan al-Qur'an sebagai amalan harian secara tartil, bertajwid dan tadabbur bukan sahaja menyihatkan jiwa dan rohani, malah memperkuat akal dan minda untuk menghadapi cabaran kehidupan.

Perkara tersebut antara yang disampaikan dalam tazkirah bertajuk 'Akal Sihat Dengan Al-Qur'an' oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim, dari Surau Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit bagi menyerikan lagi acara Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-179.

Acara Munajat mengundang tetamu khas, Setiausaha Tetap (Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, yang memimpin bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok.

Juga menyertai Malam Munajat pada kali ini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji



Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut menyemarakkan acara Munajat tersebut ialah Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok dan Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Acara Munajat diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai dipimpin oleh Pelajar Lanjutan Bayyati, Awang Muhammad Nurhidayatullah Al-Mu'min bin Awang Rosnani, dan Pelajar Lanjutan Soba, Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Jabatan Pengajian Islam, Awang Abdul Hakim bin Amir, dari Surau Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat III, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait, Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Adzid @ Haji Abdul Majid yang juga peserta Separuh Akhir Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 2025 dari Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci al-Qur'an dan menghayati maknanya serta merafa'kan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya. ■



## PROGRAM PENCINTA AL-QUR'AN

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



**PROGRAM Pencinta Al-Qur'an Sempena Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M bertempat di Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong.**

**TUTONG, Jumaat, 26 Syawal bersamaan 25 April** - Bagi menyuntik semangat kaum keluarga di negara ini untuk melazimkan diri bersama-sama membaca dan mencintai al-Qur'an dengan berterusan dan sebagai contoh kepada masyarakat di negara ini, Program Pencinta Al-Qur'an Sempena Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M diadakan bertempat di Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong.

Program tersebut diungkayahkan antara lain juga adalah untuk

melahirkan rasa syukur ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di atas pencinta al-Qur'an di samping untuk mengembangkan syi'ar dan da'wah Islam di negara ini.

Program Pencinta Al-Qur'an diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Qari Jemputan dari Malaysia bersama keluarga iaitu Yang Mulia Ustaz Haji Azraie bin Dato' Haji Abdul Hak, Penerima Anugerah Ikon Keluarga Al-Qur'an Keedsflix Tahun 2023 dan Johan Qari Pertandingan Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuwait Tahun 2018.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2025M dan Datin.

Terdahulu program dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa oleh Yang Mulia Awang Mohammad Adilah bin Suimi, Pegawai Hal Ehwal Masjid (SkiPPA), Masjid Kampung Danau, Daerah Tutong. Diikuti dengan Bual Bicara bersama Qari Jemputan dari Malaysia, Yang Mulia Ustaz Haji Azraie bin Dato' Haji Abdul Hak berserta keluarga.

Persembahan Qari Jemputan berserta keluarga dihasrat akan menyuntik semangat orang ramai khususnya para hadirin program berkenaan dan menjadi tauladan bagi mengasuh serta mendidik ahli-ahli keluarga terutama anak-anak agar sentiasa mencintai dan berdamping dengan al-Qur'an. ■



**PERSEMBAHAN bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Qari Jemputan bersama keluarga dari Malaysia.**

## MUhibah Silaturahmi 'IDUL FITRI MANTAN/WARGA JABATAN PENERANGAN

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin

**JERUDONG, Ahad, 21 Syawal bersamaan 20 April** - Mantan dan warga Penerangan (masih berkhidmat) juga tidak ketinggalan bagi bersama-sama memeriahkan suasana Hari Raya 'Idul Fitri di bulan Syawal dengan mengadakan Majlis Muhibah Silaturahmi Hari Raya 'Idul Fitri Mantan/Warga Penerangan yang telah berlangsung di Hotel Jeruton, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, yang juga merupakan mantan Pengarah Penerangan.

Juga hadir, mantan-mantan Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Penasihat; dan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong selaku Pengerusi Bersama.

Seramai 70 warga Jabatan Penerangan terdiri daripada mantan-mantan warga Penerangan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang berkhidmat dan telah bersara serta yang berpindah ke kementerian-



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat dan juga merupakan mantan Pengarah Penerangan Majlis Muhibah Silaturahmi Hari Raya 'Idul Fitri Mantan / Warga Penerangan.**

kementerian dan jabatan-jabatan lain menghadiri majlis berkenaan.

Majlis yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penerangan berkenaan dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Penasihat Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penerangan, Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar, diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat majlis.

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa Penganjur, Awang Haji Ja'afar bin Haji Ibrahim dalam

ucapannya menjelaskan bahawa Majlis Muhibah Silaturahmi adalah merupakan kali keempat dianjurkan dengan majlis pertama diadakan pada 2019, kedua pada 2021 dan ketiga pada 2024.

Awang Haji Ja'afar seterusnya berkata, naratif majlis berkenaan diadakan adalah sebagai platform dan medium untuk memperkukuh jalinan ikatan persahabatan, mengeratkan silaturahmi serta hubungan mesra dan harmoni dalam kalangan kerabat mantan Penerangan dan warga Penerangan.

"Majlis pagi ini secara langsung telah menjadi landasan ke arah membina satu semangat setia kawan yang erat lagi akrab. Melalui pertemuan tidak rasmi seperti ini juga telah mewujudkan suasana kemesraan dan memupuk semangat kerjasama serta sebagai ruang bagi para mantan Penerangan dan warga Penerangan yang masih berkhidmat serta keluarga masing-masing dengan keikhlasan hati menghulurkan tangan masing-masing untuk bermaaf-maafan," ujar beliau lagi. ■





## DOA APABILA ANGIN KENCANG

اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا فِيْهَا  
وَخَيْرَ مَا اُرْسِلَتْ بِهِ وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّهَا وَشَرِّ مَا فِيْهَا وَشَرِّ مَا اُرْسِلَتْ بِهِ.

Ertinya:

*"Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu kebbaikannya, kebaikan apa yang terdapat padanya, dan kebaikan apa yang dibuatnya. Dan aku berlindung kepada-Mu darikeburukannya,keburukan yang ada padanya dan keburukan yang dibawanya).*

# AL-'UJUB

*Sifat  
Merasai  
Diri Lebih  
Sempurna*

Sifat merasai diri lebih sempurna daripada orang lain ialah orang yang mengkagumi dirinya sendiri, ia merasakan dirinya itu lebih sempurna, ibadatnya banyak, hartanya banyak, ia membesarkan dirinya, di samping itu ia lupa bahawa keadaanya itu adalah suatu ni'mat Allah, dan ia tidak merasa khuatir akan kehilangan ni'mat itu.

Memiliki al-'Ujub sangat dicela oleh syara' dan boleh merosakkan ibadat. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah at-Taubah ayat 25, terjemahan makna ayat:

*Dan (ingatlah kejadian) di medan Perang Hunain iaitu ketika jumlah kamu yang ramai itu membanggakan kamu maka (jumlah kamu yang ramai itu) tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikit pun.*





## ISRA' DAN MI'RAJ SEBAGAI SUMBER INSPIRASI DALAM KEHIDUPAN

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli

**BERAKAS, Khamis, 25 Syawal bersamaan 24 April** - Ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacakan dalam musabaqah tahun ini ialah sebahagian daripada ayat-ayat surah Saba' dan surah Fathir. Kedua-duanya dalam juzu' 22. Setelah ditilawahkan disusuli dengan penyampaian 'ibrah atau pengajaran yang dipetik daripadanya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyebarkan pada umumnya, 'ibrah atau pengajaran daripada ayat-ayat yang ditilawahkan oleh peserta-peserta musabaqah adalah mengilhamkan dan menginsafkan untuk menjadi pegangan keugamaan dalam kehidupan individu, berkeluarga, bermasyarakat dan berpemerintahan dan bernegara, yang memandu dan mendorong ke arah kehidupan yang selamat dan sejahtera, berjaya dan cemerlang, baik dan seimbang bagi dunia dan akhirat.

"Inti patinya ialah dalam kehidupan individu, berkeluarga, bermasyarakat, bernegara dan berpemerintahan hendaklah beriman dengan hanya bertuhankan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan dengan mensyukuri ni'mat-ni'mat yang dilimpahkan-Nya : iaitu menggunakan nikmat yang diberikan Allah dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan nilai tambah seperti yang Allah janjikan.

"Dan tidak mengkufuri ni'mat iaitu mensia-siakannya dan menyalahgunakannya yang akan menyebabkan nikmat akan hilang dan mendatangkan penderitaan di dunia dan di akhirat".

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyebarkan demikian



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyebarkan sembah alu-aluan.**

semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Yang Berhormat selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H/2025M dalam sembah alu-aluannya seterusnya menyebarkan, bilangan keramaian kanak-kanak dan murid-murid yang dihantar oleh ibu bapa atau keluarga mereka belajar muqaddam dan al-Qur'an di masjid-masjid seluruh daerah adalah terus meningkat.

"Oleh itu dapat dikatakan bahawa membaca al-Qur'an adalah terus menerus dipelajari termasuk secara non-formal di luar sistem persekolahan di peringkat kanak-kanak dan murid bahkan bagi orang-orang dewasa. Ini adalah menandakan suatu yang sangat positif di mana negara kita berada pada landasannya yang betul ke arah melahirkan rakyat dan penduduk yang celik al-Qur'an, Alhamdulillah.

"Maka dalam konteks tema musabaqah tahun ini 'Akal Sihat Dengan al-Qur'an' kita bolehlah beranggapan bahawa majoriti rakyat dan penduduk khasnya generasi kita sekarang dan akan datang itu adalah individu-individu yang sihat akalnya berkat celik al-Qur'an, pandai dan melazimi membaca al-Qur'an yang seterusnya berusaha memahami dan mengambil pengajaran daripadanya," sembah Yang Berhormat.

Sembah Yang Berhormat lagi, dengan itu mereka adalah diperkirakan akan terpelihara atau terlepas daripada mengalami gejala mental yang memerlukan dirawat dengan pendekatan kerohanian di samping rawatan ilmiah perubatan dan kesihatan yang konvensional.

Tambah Yang Berhormat, mereka sebaliknya telah mempersiapkan diri untuk tetap berakal sihat dengan berkat membaca dan melazimi bacaan al-Qur'an, ditambah pula sambil berusaha memahami makna dan dengan akal yang sihat dapat memetik pengajaran atau 'ibrah untuk tidak sahaja berakal sihat bahkan memelihara diri dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat. ■

## PENERBANGAN BAKAL JEMAAH HAJI NBD SELAMAT BERLEPAS

Oleh : Dahlan Chuchu



**YANG** Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan **Yang** Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Jaafar hadir mengucapkan selamat belayar kepada bakal jemaah haji penerbangan pertama.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Zulkaedah bersamaan

**15 Mei** – Seramai 254 bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk 10 pegawai pengiring telah berlepas melalui penerbangan pertama menggunakan Pesawat Diraja Brunei (RB) BI4201, menuju ke Tanah Suci bagi menunaikan ibadah haji.

Penerbangan tersebut tiba di Madinah al-Munawwarah pada pukul 3:20 petang waktu tempatan.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat jalan dan mendoakan kesejahteraan para jemaah ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, **Yang** Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; serta Menteri Kesihatan, **Yang** Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Isham bin Jaafar dan Datin.

Daripada jumlah keseluruhan jemaah, seramai 113 orang lelaki dan 141 orang perempuan, termasuk jemaah

yang dikendalikan oleh lima syarikat pengelola haji tempatan yang diiktiraf, iaitu Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) membawa seramai tiga orang; Syarikat Darussalam Services Sdn Bhd (DSSB) membawa seramai 76 orang; Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn Bhd (SCA) membawa seramai 95 orang; Syarikat Dar El Ehsan Travel Sdn. Bhd

membawa seramai 43 orang dan Syarikat Raudah Al-Amin Sendirian Berhad membawa seramai 37 orang. Pegawai-pegawai dari setiap syarikat pengelola serta pegawai perubatan turut mengiringi jemaah bagi memastikan aspek kebajikan, kesihatan dan kelancaran ibadah mereka di Tanah Suci.

Majlis pelepasan diiringi dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh **Yang** Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, Imam Tingkat III, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Azan pula dilaungkan oleh **Yang** Mulia Haji Hamdini bin Haji Garif, Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Manakala pada hari Jumaat, 18 Zulkaedah bersamaan 16 Mei, penerbangan kedua bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan



**BAKAL** jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi penerbangan kedua semasa bersiap sedia untuk berlepas ke Tanah Suci.



pesawat Diraja Brunei (RB) BI4203. Penerbangan Kedua ini tiba di Madinah pada pukul 3:20 petang waktu tempatan (waktu Madinah).

Jumlah keseluruhan bakal jemaah haji termasuk pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan); Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA); dan Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. ialah seramai 252 orang.

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi penerbangan kedua ialah Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan); Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); Pegawai Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA); dan Pegawai Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.

Pada Hari Sabtu, 19 Zulkaedah bersamaan 17 Mei, penerbangan ketiga bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4205.

Jumlah keseluruhan bakal jemaah haji termasuk pegawai-pegawai Pejabat



**YANG Mulia Datin, Isteri Menteri Hal Ehwal Ugama turut hadir mengucapkan selamat belayar kepada bakal jemaah haji penerbangan keempat.**

Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan); Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB); Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd.; dan Syarikat At-Taqla Travel Tours Sdn. Bhd. ialah seramai 254 orang.

Manakala penerbangan keempat dan terakhir bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada hari Ahad, 20 Zulkaedah bersamaan 18 Mei dengan menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4207.

Jumlah keseluruhan bakal jemaah haji termasuk Pegawai-Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) ialah seramai 230 orang.

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi Penerbangan Keempat ialah Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan); dan Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB). ■



**ANTARA bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam di penerbangan ketiga sebelum melepasi ke Tanah Suci.**



## MASJID OMAR 'ALI SAIFUDDIEN JADI TUMPUAN LAWATAN PRESIDEN REPUBLIK KOSOVO

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PUAN Yang Terutama Datin Laila Utama Presiden Republik Kosovo semasa dalam lawatan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Zulkaedah bersamaan 5 Mei** - Keunikan seni bina Masjid Omar 'Ali Saifuddin menjadikan masjid berkenaan sebagai mercu tanda ikonik negara dan antara daya tarikan utama kepada para pelancong yang berkunjung ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Masjid yang terletak megah di tengah-tengah ibu kota ini mula dibina pada 1 Jamadilakhir 1372H bersamaan 4 Februari 1954M, dan telah dirasmikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam pada 26 September 1958.

Masjid ini merupakan cetusan idea Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien sebagai simbol kepercayaan teguh rakyat terhadap agama Islam serta lambang identiti pemerintahan Melayu Islam Beraja (MIB) di negara ini.

Masjid Omar 'Ali Saifuddin telah menerima kunjungan hormat daripada Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu, dan

First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu, serta rombongan.

Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Presiden Republik Kosovo sedang dalam rangka lawatan rasmi ke NBD selama empat hari, bermula 3 hingga 7 Mei 2025.

Ketibaan Puan Yang Terutama Datin Laila Utama dan rombongan telah dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, bersama Datin.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Menteri Pengiring dan Datin.

Setibanya di masjid, PYT Datin Laila Utama serta suami berkesempatan menyaksikan tayangan klip video mengenai sejarah dan pembangunan Masjid Omar 'Ali Saifuddin, sebelum meneruskan lawatan ke sekitar kawasan masjid.

Lawatan rasmi ini diyakini akan mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama dua hala antara NBD dan Republik Kosovo.





## SEMAHYANG SUNAT HAJAT KHAS BAGI MEMOHON KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN KDYMM

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama para jemaah menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Khas bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sebagai kesinambungan bagi inisiatif keugamaan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan meneruskan pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara setiap hari bermula 27 Mei 2025, iaitu selepas Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, dan pada hari Jumaat, sebelum Sembahyang Fardhu Jumaat.

Dalam pada itu, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dialu-alukan untuk mengadakan sembahyang sunat Hajat, sambil sama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam lindungan-Nya dan dianugerahkan kesihatan, kekuatan serta perlindungan yang berterusan dalam memimpin negara ke arah kesejahteraan dan keberkatan yang berpanjangan. ■

**KIARONG, Rabu, 30 Zulkaedah bersamaan 28 Mei** – Merujuk kepada siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri bertarikh 30 Zulkaedah 1446H bersamaan 27 Mei 2025M, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan inisiatif-inisiatif keugamaan iaitu Sembahyang Sunat Hajat Khas Berjemaah pada jam 4.15 pagi, bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan. Majlis tersebut turut disertai oleh para pegawai dan kakitangan Kerajaan, sebahagian anggota pasukan keselamatan dan pertahanan, serta orang ramai.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Khas yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, Imam Tingkat III Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Seterusnya, bacaan Doa Khas oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Turut hadir bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Khas secara berjemaah ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd.



## IBADAH KORBAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA TAHUN 1446H/2025M

*Oleh : Suriati Haji Ali Hussin*



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan jemputan khas menyertai aktiviti bergotong-royong melapah, daging ibadah korban bersama ahli-ahli PESATU serta masyarakat setempat.**

### **BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Zulhijjah bersamaan 10 Jun**

– Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengendalikan Majlis Ibadah Korban KHEU bagi Tahun 1446H/2025M yang berlangsung di Dewan Serbaguna Persatuan Saudara-saudara Baharu Daerah Tutong (PESATU), Kampung Tanjong Panjang, Tutong.

Pada majlis tersebut, sebanyak dua ekor lembu dan seekor kerbau dikorbankan dan diagihkan kepada 81 asnaf fakir miskin dan 157 asnaf muallaf.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri, Datin Norazimah binti

Haji Ramlee; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, dan isteri; Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai; Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub selaku Penghulu Mukim Ukong; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan jemputan khas menyertai aktiviti bergotong-royong melapah, daging ibadah korban bersama ahli-ahli PESATU serta masyarakat setempat. Daging Korban Sunat dibahagikan kepada tiga bahagian : satu pertiga (1/3) daripada daging korban sunat disedekahkan kepada fakir miskin; satu pertiga (1/3) untuk umat Islam; dan satu pertiga (1/3) untuk orang yang berkorban.

Majlis Ibadah Korban ini merupakan kesempatan kepada warga KHEU untuk berkongsi rezeki yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan menyantuni asnaf fakir miskin dan muallaf di Daerah Tutong yang secara tidak langsung mengeratkan lagi silaturahim dengan para penerima daging ibadah korban, penduduk-penduduk di Mukim Tanjong Maya dan sekitarnya serta ahli-ahli PESATU.

Majlis Ibadah Korban KHEU tahun ini dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Bahagian Dasar dan Strategik dan Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan di bawah KHEU.

Hadir sama, Penghulu Mukim Tanjong Maya, Awang Mohd. Azaman Shah bin Haji Sahari; Ketua Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau, Awang Nur Azmil bin Haji Ismail; dan Ketua Kampung Bukit Udal dan Penapar, Awang Haji Masri bin Haji Abdullah.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta para pegawai dan kakitangan di bawah KHEU. ■



## KEPULANGAN JEMAAH HAJI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1446H/2025M

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



KEPULANGAN penerbangan pertama jemaah haji Negara Brunei Darussalam.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Zulhijah bersamaan 13 Jun –

Seramai 252 orang jemaah haji Negara Brunei Darussalam termasuk pegawai-pegawai pengiring selamat tiba di tanah air menerusi penerbangan pertama yang menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4222 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada pukul 5:07 petang.

Hadir mengalu-alukan ketibaan jemaah haji Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraithin, Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Mulia Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin, Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Datin; Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap Urustadbir Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Awang Haji

Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan isteri; Yang Mulia Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; Yang Mulia Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Yang Mulia Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (Dasar dan Keagamaan) dan isteri; Yang Mulia Pengiran Haji Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan; Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (Pentadbiran dan Kewangan); Yang Mulia Dr Awang Norfarizal bin Othman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri; serta ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Haris bin Haji Suboh, Pegawai **m.s. 24**







**KEPULANGAN Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi Penerbangan Kedua.**

## « 23 Hal Ehwal Masjid Tingkat m.s. Khas.

Sementara kepulangan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi Penerbangan Kedua yang menggunakan Pesawat Diraja Brunei (RB) BI4224 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada Sabtu, 17 Zulhijjah 1446 bersamaan 14 Jun 2025 pukul 4:59 petang.

Jumlah keseluruhan jemaah Haji termasuk pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan), Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Syarikat Al-Hijrah Travel and

Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd ialah seramai 251 orang.

Kepulangan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi Penerbangan Ketiga yang menggunakan Pesawat Diraja Brunei (RB) BI4226 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada pukul 4:39 petang pada 18 Zulhijjah 1446 bersamaan 15 Jun 2025.

Jumlah keseluruhan jemaah Haji termasuk pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan), Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB), Syarikat Al-Hijrah Travel

and Tours Sdn. Bhd, dan Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd ialah seramai 251 orang.

Manakala Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi Penerbangan Keempat dan terakhir yang menggunakan Pesawat Diraja Brunei (RB) BI4228 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada pukul 5:26 petang.

Jumlah jemaah Haji termasuk pegawai-pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) ialah seramai 237 orang. ■



**KEPULANGAN Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi Penerbangan Keempat.**



## 14 ANAK DAMIT LAHIR PADA I MUHARAM 1447H

Oleh : Azizah Hidup



**YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyampaikan hadiah.**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Muharam bersamaan 28 Jun** - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam mengendalikan Majlis Pemberian Hadiah kepada Anak-Anak Damit yang Lahir pada I Muharam Sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 bertempat di Lobi, Klinik Obstetrik dan Ginekologi, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), dan Datin; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin; dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. dan Pengiran Datin.

Pemberian hadiah sumbangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) disempurnakan oleh tetamu-tetamu khas iaitu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi; dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, dan isteri, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Manakala, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa Akaun Si Manja BND200 dan hamper keperluan anak damit bernilai BND60.

Seterusnya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan isteri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli juga menyempurnakan pemberian hadiah berupa baucar (*voucher*) sejumlah

BND300 bagi penyertaan TBK Nur Savings dan barang keperluan anak damit.

Hadiah-hadiah anak damit yang lahir pada I Muharam 1447 Hijrah adalah berupa: hadiah barangan anak damit bernilai BND200 dan Buku Ugama daripada KHEU; Akaun Si Manja BND200 dan hamper keperluan anak damit bernilai BND60 daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); dan baucar (*voucher*) sejumlah BND300 bagi penyertaan TBK Nur Savings dan barang keperluan anak damit.

Pada tahun ini, seramai 14 anak damit telah dilahirkan pada I Muharam sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 iaitu anak yang lahir bermula masuk waktu Maghrib I Muharam hingga berakhirnya waktu Asar, 2 Muharam 1447 Hijrah.

Di Daerah Brunei Muara, seramai 13 anak damit dilahirkan, iaitu lapan anak damit lelaki dan lima anak damit perempuan. Manakala di Daerah Belait pula, seorang orang anak damit perempuan dilahirkan.

## 'IDUL FITRI PELUANG SALING BERMAAFAN

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli



SESI bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

**BERAKAS, Ahad, 21 Syawal bersamaan 20 April** - Sambutan Hari Raya 'Idul Fitri terus disemarakkan oleh pelbagai pihak di negara ini meskipun hanya tinggal seminggu lagi sebelum berakhirnya Syawal.

Dalam memeriahkan lagi sambutan berkenaan, para jemaah haji bagi tahun 2024 yang mengikuti pakej haji di bawah Darussalam Holdings Sendirian Berhad bersama-sama berkumpul dan bersua muka dalam Majlis Sambutan Hari Raya 'Idul Fitri Jemaah-jemaah Haji Tahun 2024 bagi tahun 1446H/2025M yang diadakan di Dewan Mahligai, Airport Mall.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyerikan majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri.

Kira-kira 176 jemaah haji tahun 2024 hadir bersama keluarga masing-masing pada majlis berkenaan.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada keluarga jemaah haji yang telah kembali ke rahmatullah.

Di samping menikmati pelbagai juadah dan jamuan Hari Raya, majlis berkenaan juga dimeriahkan dengan beberapa persembahan lagu Hari Raya daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja sambutan termasuk bertukar-tukar hadiah dan menyaksikan tayangan video kenang-kenangan Musim Haji Tahun 2024 yang lalu.

Tetamu kehormat turut bersilaturahmi bersama para jemaah haji yang hadir pada majlis tersebut.

Majlis seumpamanya dihasratkan untuk saling mengeratkan silaturahmi dan peluang bermaaf-maafan serta beramah mesra bersama para jemaah yang hadir. ■



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sumbangan derma kepada keluarga jemaah haji yang telah kembali ke rahmatullah.



# AYAT AL-QUR'AN UNTUK RAWATAN KERASUKAN/SIHIR/JIN

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ  
وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

**Mafhumnya:**

*Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil dan bukti) bahawa tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang-orang yang berilmu (berikrar dan mengakui juga bahawa) tiada tuhan melainkan Dia yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

Surah Aali - 'Imraan ayat 18



# IBADAH KORBAN

Dalam bulan Zulhijah seluruh umat Islam akan meraikan Hari Raya 'Idul Adha dan kita dituntut untuk membesarkannya dengan bertakbir, bertahmid dan bertasbih. Hari Raya 'Idul Adha ini juga dikenali sebagai Hari Raya Haji sempena umat Islam yang sedang menunaikan ibadah haji di Tanah Suci Mekah.

Ianya juga dikenali sebagai Hari Raya Korban yang memang di dalam bulan ini dituntut untuk melaksanakan ibadah korban (bagi yang berkemampuan) iaitu berkorban dengan menyembelih binatang ternak seperti unta, kambing, kerbau atau lembu pada waktu yang tertentu iaitu pada Hari Raya 'Idul Adha dan hari-hari Tasyrik (11, 12, dan 13 Zulhijah) dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

*"Tidak melakukan seseorang amal pada hari raya yang lebih disukai Allah daripada menumpahkan darah (menyembelih korban), sesungguhnya korban itu akan datang pada hari kiamat dengan tanduk, bulu dan kuku kakinya. Dan sesungguhnya darah korban itu jatuh daripada Allah pada satu tempat kemuliaan sebelum jatuh ke bumi, maka sukakanlah diri kamu dengan korban itu".*

Iman dan taqwa itu adalah penting dalam diri individu kerana tanpanya kita tidak akan bersedia untuk melakukan pengorbanan dan sanggup berkorban seperti mengeluarkan wang ringgit untuk menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci Mekah, bersedia menempuh segala penat lelah dalam perjalanan dan juga menyembelih binatang korban pada Hari Raya 'Idul Adha. ■





## DELEGASI NEGARA SERTAI SIMPOSIUM HAJI DI ARAB SAUDI

Oleh : Azizah Hidup



**DELEGASI** negara diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

**JEDDAH, Ahad, 4 Zulhijah bersamaan 1 Jun** - Negara Brunei Darussalam telah menghantar delegasi yang diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, ke Grand Hajj Symposium Ke-49 di The Ritz-Carlton, Jeddah.

Simposium tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi ini dihadiri oleh seramai 500 orang peserta dari seluruh dunia, termasuk menteri-menteri agama dan pembesar-pembesar agama dari 59 buah negara.

Simposium pada tahun ini mengangkat tema Kemampuan Dalam Pelaksanaan Ibadat Haji dan Pembangunan Kontemporari. Tema ini menetengahkan usaha Arab Saudi dalam meningkatkan infrastruktur termasuk penyediaan khemah perlindungan untuk jemaah, mengintegrasikan teknologi seperti kecerdasan buatan dan sistem digital bagi memudahkan pengurusan jemaah, serta mengukuhkan peraturan keselamatan bagi mengelakkan insiden

seperti kes kematian akibat cuaca panas pada musim haji sebelumnya.

Dalam ucaptamanya, Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Yang Berhormat Dr. Taufiq bin Fawzan Al-Rabiah menekankan tiga langkah kritikal untuk jemaah. Jemaah diwajibkan berada di khemah masing-masing dari pukul 10.00 pagi hingga 4.00 petang pada hari kemuncak haji. Mereka juga dilarang berjalan kaki antara Arafah,

Muzdalifah dan Mina, sebaliknya perlu menggunakan pengangkutan berlesen. Selain itu, jemaah dinasihatkan mengelakkan kawasan sesak seperti Masjid Namirah dan Jabal Rahmah.

Simposium tersebut turut menampilkan sesi strategik yang membincangkan cara memudahkan ibadah Haji melalui perkhidmatan terbaik serta bengkel khusus yang memberi fokus kepada persiapan kesihatan jemaah dan peranan media dalam penyebaran maklumat tepat.

Delegasi Brunei Darussalam turut dianggotai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Yang Mulia Awang Haji Harun bin Haji Junid serta pegawai-pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Perubatan). Kehadiran delegasi Negara Brunei Darussalam diharap dapat membantu meningkatkan persiapan jemaah Haji negara bagi musim 1446 Hijrah selaras dengan panduan terkini dari Arab Saudi. ■





## PENGURNIAAN PINGAT PKL BAGI WARGA KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



TETAMU kehormat majlis bergambar ramai bersama sebahagian penerima PKL.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Zulhijah bersamaan 24 Jun** - Seramai 190 orang pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan serta tenaga pengajar dari institusi-institusi pendidikan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menerima Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama (PKL) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 pada tahun 2024.

Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan PKL tersebut disempurnakan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. Pengurniaan PKL berkenaan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pengurniaan pingat tersebut juga untuk mengenang jasa bakti yang

telah dicurahkan oleh para penerima pingat sepanjang perkhidmatan mereka, di samping menyuntik semangat dan motivasi kepada warga Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti kerja dengan lebih cemerlang.

Antara kriteria penerima-penerima PKL adalah, selain genap 20 tahun perkhidmatan, penerima juga hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; memiliki sifat-sifat dan keperibadian yang terpuji serta mempunyai penilaian

prestasi yang dinilai sangat baik sepanjang tiga tahun kebelakangan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan di bawah KHEU.

Acara dikendalikan oleh Bahagian Dasar dan Strategik dengan kerjasama Jabatan Pentadbiran, KHEU. ■



PENGIRAN Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim menyampaikan PKL kepada antara penerima dalam acara itu.



## PESERTA SEPARUH AKHIR MTQBK TERIMA SIJIL

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



TETAMU kehormat majlis penyampaian sijil kepada para peserta Musabaqah Peringkat Separuh Akhir.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Zulkaedah bersamaan 25 Mei** - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan (MTQBK) 1446H/2025M bertempat di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Atur cara majlis dimulakan dengan ucapan daripada Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, selaku Pengerusi Majlis dan diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta musabaqah peringkat separuh akhir yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Acara diselang-selikan dengan pengumuman keputusan musabaqah yang disampaikan oleh Awang

Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof selaku Pengerusi Jawatankuasa Jemaah Hakim Peringkat Separuh Akhir.

Manakala doa penutup telah dibacakan oleh Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan Peringkat Separuh Akhir telah diadakan sebelum majlis penyampaian sijil yang disertai oleh 14 peserta qari dan 15 peserta qariah memperdengarkan bacaan mereka merupakan peserta yang terpilih melalui Peringkat Saringan yang telah diadakan pada 14 hingga 16 Mei 2025 yang lalu disertai oleh 93 peserta iaitu 66 qari dan 27 qariah.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan Peringkat Akhir akan diadakan pada hari Khamis, 19 Jun 2025 bertempat di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Seramai 10 peserta iaitu lima qari dan lima qariah termasuk Johan Menunggu Qari dan Qari'ah Musabaqah Tilawatil

Qur'an Belia Kebangsaan Tahun 2024 akan bertanding di peringkat akhir nanti.

Musabaqah tersebut merupakan salah satu projek tahunan KKBS dikelolakan oleh JBS sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan al-Qur'an secara berlagu atau tarannum.

Orang ramai terutamanya para belia boleh menyaksikan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan 1446H/2025M Peringkat Akhir nanti secara langsung melalui akaun rasmi Facebook Jabatan Belia dan Sukan dan YouTube Jabatan Belia dan Sukan Brunei. ■

## MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DALAM KELAS

Oleh : Dahlan Chuchu



**PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersenut.**

**KATOK, Sabtu, 5 Zulkaedah bersamaan 3 Mei** - Platform digital pendidikan dihasratkan dapat meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, di samping memudah cara pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar di persekolahan Arab dan Ugama.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah mengadakan Majlis Pelancaran dan Pertandingan Platform Digital Pendidikan bagi Persekolahan Arab dan Ugama, yang berlangsung di Auditorium Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Majlis telah dirasmikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim, yang turut menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada para pemenang pertandingan bagi Kategori Sekolah Arab, iaitu Sekolah Arab Belait; manakala Kategori Sekolah Ugama ialah Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal

Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut.

Acara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, selaku Pengerusi Majlis.

Penyediaan platform tersebut merupakan kesinambungan usaha JPI dalam menyediakan peralatan komputer, capaian internet dan

prasarana lain ke arah menyokong pelaksanaan 'Blended Learning' di persekolahan Arab dan Ugama.

Majlis berkenaan juga diadakan sebagai penghargaan kepada pihak sekolah yang telah memberikan sokongan padu dalam menjayakan Program At-Tatweer, iaitu program latihan bagi meningkatkan kompetensi guru-guru persekolahan Arab dan Ugama.

Selain penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan, majlis turut menyaksikan penyampaian Hadiah Penghargaan Khas kepada Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit sebagai pelopor platform tersebut.

Sekolah berkenaan juga telah berjaya meraih sugu hati dalam Anugerah Inovasi Perdana (AIP) bagi 2023, di samping penglibatan mereka sebagai pemudah cara bengkel kepada 21 buah sekolah ugama.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. ■





## ITQSHHB RAIKAN 41 PELAJAR BAHARU SESI 2025-2028

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU semasa menyampaikan cenderahati kepada siswa-siswi baharu ITQSHHB.**

### BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Zulkaedah bersamaan 17 Mei -

Majlis Penerimaan Siswa-Siswi Baharu Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Sesi Pengajian 2025M-2028M telah berlangsung pagi tadi, bertempat di Dewan Kuliah, ITQSHHB, di sini.

Seramai 41 orang pelajar diterima masuk pada tahun ini yang terdiri daripada 22 orang siswa dan 19 orang siswi yang mengikuti pengajian di peringkat Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamsol bin Haji Omar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an, surah al-Anbiyaa' ayat 78 hingga 86, yang dipersembahkan oleh siswa Tahun I, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Awang Muhammad Yusuf Haikal bin Mohammad Hashim.

Persembahan kemudian disusuli dengan tayangan video 'ibrah ayat

yang disampaikan oleh siswi Tahun I, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Dayang Ameerah Batriysia @ Sarah Huwaina binti Haji Amir Hisham.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof yang antara lain menggariskan bahawa ilmu-ilmu al-Qur'an sememangnya telahpun wujud di zaman Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, para sahabat-sahabat, tabi'en dan seterusnya sehingga hari ini, dan *Alhamdulillah* para penuntut di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berkeinginan untuk menuntut ilmu ini berpeluang untuk mempelajarinya di ITQSHHB.

Selain daripada hafazan 30 juzuk al-Qur'an katanya, kursus tersebut merangkumi ilmu-ilmu al-Qur'an dan Qiraat seperti Rasm al-Qur'an, Tarikh Qurra, Tarikh Mushaf dan sebagainya.

Program itu ujanjarnya, juga berjalan seiring dengan modul pengajian kenegaraan seperti Melayu Islam Beraja (MIB) dan juga Dirasah Islamiyah serta Bahasa Inggeris.

"Begitu juga dengan kokurikulum di mana siswa / siswi boleh mempelajari kemahiran hidup seperti kelas menjahit, memasak, membaiki penghawa dingin dan sebagainya," terangnya.

Menurutnya, sejak penubuhan ITQSHHB pada tahun 2010, *Alhamdulillah* seramai 223 orang graduan dari institut ini telah menamatkan pengajian mereka dalam pengajian Diploma 'Aliyah Qiraat.

Daripada jumlah tersebut jelasnya, sebahagian besarnya telah melanjutkan dan menamatkan pengajian di dalam dan luar negara seperti Ma'had Shoubra, Republik Arab Mesir, Universiti Islam Selangor (KUIS) Malaysia dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam.

"Pengajian lanjutan ini sama ada dibiayai di bawah Skim Biasiswa Kerajaan, Skim Pendidikan, Sultan Scholar YSHHB dan persendirian. Ini menunjukkan peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya memang terbuka luas dan semua ini tertakluk kepada usaha gigih para siswa/siswi dan yang paling penting sekali ialah akhlak yang mulia dan sifat ikhlas kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*," ujarnya.

Tambahnya, dengan menghormati guru *in syaa* Allah kita akan menjadi orang yang berjaya dan ilmu yang dipelajari akan memberi manfaat serta membawa berkat dalam kehidupan seharian.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan KHEU, para ibu bapa dan penjaga, para pelajar yang diraikan serta para pegawai, pensyarah dan kakitangan ITQSHHB. ■

## 20 PESERTA PROGRAM TARBİYAH IBADAH HAJI DIRAIKAN

Oleh : Pengiran Yusdi Pengiran Rumbli



**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Zulkaedah bersamaan 7 Mei -**

Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) mengadakan Majlis Penutup Tarbiyah Ibadah Haji dan Doa Selamat bagi Bakal Jemaah Haji Muallaf Tahun 1446H/2025M. Majlis penuh keberkatan ini berlangsung di Bilik Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI.

Seramai 20 peserta terdiri daripada sembilan lelaki dan 11 perempuan yang merupakan penerima kurnia Tambang Fardu Haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menamatkan Program Tarbiyah Ibadah Haji bagi Tahun 1446H/2025M. Program ini telah berlangsung selama dua hari, bermula 6 hingga 7 Mei 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, diikuti dengan ucapan nasihat

daripada tetamu kehormat. Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil tamat kursus dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada bakal jemaah mengenai situasi sebenar di Tanah Suci, membimbing peserta secara teori dan praktikal mengenai ibadah haji dan umrah serta meningkatkan kefahaman dan

penghayatan fardu ain agar ibadah dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Diharap agar program ini dapat membimbing para bakal jemaah haji muallaf untuk menghalusi manasik atau ibadah haji dan umrah seterusnya dapat melaksanakan dengan baik apabila tiba di Tanah Suci Mekah nanti dan mendapat haji yang mabrur. ■





## HALAQAH BIMBINGAN DA'IE KALI KE-71

*Oleh : Suriati Haji Ali Hussin*



**TETAMU** Kehormat Majlis menyampaikan cenderahati kepada fasilitator jemputan.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Zulhijah bersamaan 24 Jun** – Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-71 Tahun 1446H/2025M anjuran Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) telah diadakan bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie.

Hadir selaku fasilitator jemputan bagi halaqah tersebut ialah Yang Mulia

Profesor Madya Dr. Haji Gamal Abdul Nasir Zakaria, Pensyarah Kanan Pendidikan dan Bahasa Arab, Institut Pendidikan Sultan Hassan al-Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

Majlis Halaqah dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah. Diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis, Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji

Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah. Selesai pembentangan daripada fasilitator jemputan, acara diikuti dengan sesi perbincangan serta soal jawab kepada para peserta dan jemputan yang hadir.

Seramai 100 orang peserta terdiri daripada Jabatanarah Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan; Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam serta pensyarah dan penolong pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama; pensyarah dan penolong pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Da'ie-Da'ie daripada Jabatan Kerajaan, swasta dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei serta para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah menghadiri acara tersebut.

Halaqah Bimbingan Da'ie bertujuan untuk memastikan setiap ceramah yang disampaikan sentiasa konsisten, berkesan dan berwibawa serta selaras dengan isu-isu semasa dan seiring dengan arus perkembangan zaman. Ianya juga menjadi platform pertukaran pandangan dan pengalaman antara para penceramah.



## MUALLAF TIDAK KETINGGALAN DALAM MENYEMARAKKAN HARI KEBESARAN ISLAM

Oleh : Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin



**DAGING-DAGING** Korban diagihkan kepada para fakir dan miskin terdiri daripada para Muallaf penerima Projek Fathul Barakah di Daerah Brunei dan Muara, Muallaf daripada ahli Persatuan Nurul Islam (PNI), Muallaf daripada Kelas Bimbingan Muallaf (KBM) Daerah Brunei dan Muara, dan juga Muallaf yang baru memeluk Ugama Islam.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin 13 Zulhijah bersamaan 10 Jun

Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Kelas Bimbingan Muallaf (KBM) Daerah Brunei dan Muara tidak ketinggalan mengadakan Majlis Ibadah Korban Sunat Kali Ke-12 bertempat di Bilik Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging-daging ibadah korban kepada muallaf ialah Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong, Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah dan Yang Mulia Awang Haji Hazwan bin Abdullah, Yang Dipertua Persatuan Nurul Islam (PNI) serta peserta-peserta ibadah korban.

Sebanyak enam (6) ekor kerbau dan seekor (1) kambing telah

dikorbankan pada tahun ini. Daging-daging tersebut diagihkan kepada para fakir dan miskin terdiri daripada para muallaf penerima Projek Fathul Barakah di Daerah Brunei dan Muara, muallaf daripada ahli Persatuan Nurul Islam (PNI), muallaf daripada Kelas Bimbingan Muallaf (KBM) Daerah Brunei dan Muara, dan juga muallaf yang baru memeluk ugama Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Saiyidul Istighfar dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Naadzimur-Rahmaan

@ Naadzim bin Awang Haji Ya'akub, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis Ibadah Korban sedemikian diadakan dengan tujuan untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan para peserta khasnya dalam perkara berkebajikan sekaligus mengeratkan lagi silaturrahim antara kalangan warga Pusat Da'wah Islamiah dan muallaf dalam kerja bergotong-royong melapah daging-daging ibadah korban. ■



**HADIR** selaku Tetamu Kehormat dan menyempurnakan pengagihan daging-daging ibadah korban kepada Muallaf ialah Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



## SAMBUTAN HARI RAYA 'IDUL FITRI BERSAMA MUALLAF DAN NON-MUSLIM DAERAH BELAIT

*Oleh : Suriati Haji Ali Hussin*



**SESI bergambar ramai di majlis Sambutan Hari Raya 'Idul Fitri bersama penduduk Rumah Panjang Kukub serta kampung-kampung sekitarnya yang terdiri daripada Muallaf dan Non-Muslim.**

**BELAIT, Ahad, 21 Syawal bersamaan 20 April** – Hari Raya 'Idul Fitri merupakan hari kemenangan bagi umat Islam setelah sebulan menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan. Dalam usaha mengeratkan lagi ukhuwah dan menyemarakkan syi'ar Islam, Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pengembangan Da'wah (Da'wah Khas) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya 'Idul Fitri bersama penduduk Rumah Panjang Kukub serta kampung-kampung sekitarnya yang terdiri daripada muallaf dan non-muslim.

Majlis dihadiri oleh Yang Mulia Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidup, Pemangku Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah selaku ketua rombongan.

Turut hadir, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Pemangku Ketua Mukim Sukang memata-matai Mukim Melilas dan Ketua Kampung Bukit Sawat.

Penganjuran majlis bertujuan untuk menyemarakkan kemeriahan

'Idul Fitri bersama Muallaf serta memperkenalkan keindahan dan nilai-nilai murni perayaan Islam kepada masyarakat bukan Islam.

Ia juga menjadi platform untuk mengukuhkan lagi tali silaturahim antara penduduk Kampung Kukub dan kawasan sekitarnya sama ada yang beragama Islam, muallaf mahupun

bukan Islam dengan para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis ini menyaksikan kehadiran seramai 100 orang tetamu. Selain sesi ramah mesra bersama penduduk, turut diadakan acara penyampaian hamper dan saguhati kepada para muallaf dan non-muslim dari kawasan sekitar kampung. ■



**ACARA penyampaian hamper dan saguhati kepada para Muallaf dan non-Muslim.**



## PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF DA'IE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Azizah Hidup



PROGRAM Pembangunan Eksekutif Da'ie Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Melor, KHEU.

**BERAKAS, Isnin, 28 Zulkaedah bersamaan 26 Mei** – Bagi melengkapkan para Da'ie dengan ilmu da'wah yang inklusif dan komprehensif, serta memperkasa para da'ie dengan gerak kerja dakwah yang berkesan dan relevan, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran menganjurkan Program Pembangunan Eksekutif Da'ie Negara Brunei Darussalam yang diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 26 dan 27 Mei 2025 bertempat di Dewan Melor, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Program ini juga dihasratkan dapat meningkatkan kemampuan para Da'ie dalam merancang dan mengurus pelaksanaan dakwah dengan sistematik dan strategik.

Seramai 30 orang pegawai daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Hal Ehwal Syariah,

Kementerian Hal Ehwal Ugama menghadiri program tersebut.

Fasilitator selaku pemudahcara program ialah Yang Mulia Profesor Dato' Dr. Haji Mohd. Farid Ravi bin Abdullah, Rektor Universiti Islam Selangor, Malaysia.

Program Pembangunan Eksekutif Da'ie Negara Brunei Darussalam merupakan program yang dianjurkan dengan kolaborasi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat [PKPSH] dengan kerjasama Universiti Islam Selangor, Malaysia [UIS]. ■





# Diari Hidayah



## Majlis Pengislaman APR-JUN 2025

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata.

Surah al-Baqarah ayat 208



## STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2025

# Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.  
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

### Brunei Muara

32  
Orang

55.17%

Dewasa Kanak-Kanak  
18 3  
10 1

Bagi Bulan  
APR-JUN  
58  
Orang

Jumlah  
Keseluruhan  
JAN-JUN 2025  
129 Orang

### Belait

Dewasa Kanak-Kanak  
6 -  
2 -

8  
Orang  
13.80%

### Tutong

16  
Orang  
27.59%

Dewasa Kanak-Kanak  
10 -  
6 -

### Temburong

Dewasa Kanak-Kanak  
2 -  
- -

2  
Orang  
3.44%



## MAJLIS BACAAN DOA AKHIR TAHUN DAN AWAL TAHUN HIJRAH 1447 PERINGKAT NEGARA

Oleh : Azizah Hidup



**SEMBAHYANG fardhu Maghrib berjemaah diikuti dengan Bacaan Doa Awal Tahun Hijrah sebanyak tiga kali oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie, dan seterusnya Sembahyang Hajat berjemaah.**

### BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Muharam bersamaan 26 Jun –

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan berangkat ke Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara

selaku Penasihat Bersama; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah sebanyak tiga kali dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama. Sejurus selepas itu,

tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Majlis diteruskan dengan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah, diikuti dengan Bacaan Doa Awal Tahun Hijrah sebanyak tiga kali oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie, dan seterusnya sembahyang sunat Hajat berjemaah.

Bagi memohon keberkatan dan rahmat dalam majlis yang penuh kebajikan ini, Doa Selamat dibacakan sekali lagi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie.

Tema Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara ialah "Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan." Majlis ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. ■